

Subjek TITAS ejen perpaduan nasional

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengutuk sekeras-kerasnya tindakan tidak bermoral pihak yang menyentuh sensitiviti umat Islam serta tindakan memuat naik aksi lucah mereka.

Bagaimanapun, kami tidak bersetuju dengan mana-mana pihak beragama Islam yang cuba bertindak merendahkan agama lain.

Tindakan berkenaan boleh menjejaskan perpaduan kaum dan keharmonian beragama di Malaysia.

Bertitik tolak daripada isu ini, MPP USIM menyokong pe-

nuh cadangan kerajaan untuk mewajibkan subjek Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

Beri kefahaman khusus generasi muda

Kami yakin boleh menjadi salah satu medium terbaik dalam usaha memberi kefahaman khususnya generasi muda mengenai kepelbagaian kaum serta agama di Malaysia khususnya agama Islam sebagai agama rasmi negara.

Dunia Barat sendiri mula memikirkan penyelesaian bagi masalah Islamophobia apabila Setiausaha Pendidikan

Britain, Michael Gove mengumumkan untuk memasukkan modul sejarah Islam sebagai subjek baru di sekolah awam seluruh Britain.

TITAS bukan satu pendekatan 'sempit dan sektarian' seperti didakwa sesetengah pihak, bahkan ia bertujuan mewujudkan persefahaman antara kaum dan agama dengan adanya perbincangan berkenaan tamadun bangsa dan agama selain Islam di dalam modulnya.

Memetik kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yasin: "Dengan memahami nilai murni setiap agama, kita dapat mengikis se-

barang rasa prejudis terhadap penganut agama yang lain dan sekali gus saya yakin kita dapat meningkatkan persefahaman serta mengukuhkan perpaduan antara rakyat berbilang kaum dan agama di negara ini."

MPP USIM sentiasa mengharapkan semoga perpaduan kaum dan agama di Malaysia terus terpelihara. Usaha memecahbelahkan perpaduan rakyat dengan sentimen agama dan perkauman oleh mana-mana pihak wajar dibantulas teras bagi menyuburkan gagasan kerukunan nasional.

**Mohamad Razif
Mohamad Fuad**
Yang Dipertua Majlis
Perwakilan Pelajar Universiti
Sains Islam Malaysia (USIM)